

Graduan UMS perlu sesuaikan diri, aplikasi ilmu untuk kejayaan masa depan

Bersiap hadapi cabaran

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com

UB 21.10.2012 A1

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) diminta merangka pembangunan modal kemanusiaan dan sumber insan bagi mendukung hasrat kerajaan melahirkan generasi Malaysia mendatang yang berpengetahuan dan bijaksana.

Yang Dipertua Negeri yang juga Canselor UMS, Tun Juhar Mahiruddin, berkata ia penting bagi membolehkan ia menyumbang kepada proses pembangunan negara.

“Secara peribadi saya melihat, setiap perancangan pembangunan yang bersifat holistik dan konstruktif tidak mampu untuk diwahanakan tanpa disokong utuh oleh modal-modal kemanusiaan yang berjiwa besar dan mandiri lokal,” katanya ketika menyampaikan amanat pada Majlis Konvokesyen ke-14 UMS di sini kelmarin.

Beliau berkata penghasilan modal kemanusiaan seumpama itu amat penting dalam konteks alaf ke-21 yang penuh dengan cabaran dan ketidaktentuan.

Juhar berkata fakta menunjukkan negara yang tidak mempunyai modal kemanusiaan yang tinggi akal budi, jiwa raga dan wajah nasionalismenya sendiri bakal berhadapan dengan keruntuhan dan kegagalan kemandirian.

“Setiap jiwa dan warga UMS mesti berganding bahu dan bersepada mengembangkan tenaga bagi memastikan hasrat negara dapat dicapai dengan penuh konkret.

“UMS mestilah bersama-sama dengan kerajaan dan rakyat Malaysia yang lain bukan sahaja menyokong penuh transformasi negara tetapi turut sama bergabung tenaga memastikan falsafah tersifat dan tersurat agenda tersebut menjadi kenyataan,” katanya.

Pada masa sama, Juhar berkata kemampuan setiap graduan menyesuaikan diri dan mengaplikasi ilmu yang diperolehi amat penting dalam menentukan kejayaan yang berterusan dalam persaingan di pasaran pekerjaan.

Katanya, setiap graduan tentunya sudah menyedari bahawa globalisasi telah dan sedang mengubah dengan hebatnya cara pemikiran, beraksi dan bertindak balas.

“Semua ini memerlukan daya ketahanan diri serta mental bagi anda mengharungi arus globalisasi itu.

“Di samping mempunyai ilmu pengetahuan yang diperolehi dalam bidang pengkhususan yang tertentu, ia perlulah dilengkapi dengan kemahiran seperti komunikasi, berbincang dan berurusan secara diplomasi sambil mengekalkan budaya Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, maruah dan jati diri harus sentiasa dipertahankan walaupun diri sudah dipenuhi dengan nilai-nilai budaya murni.

Katanya, kepelbagai pelan transformasi yang telah dilakukan kerajaan kini merupakan pelan perancangan pembangunan yang bersifat modeniti bagi tujuan mempersiapkan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang utuh dari sudut keupayaan fizikal dan berpendapatan tinggi.



JUHAR menyampaikan ijazah kepada salah seorang penerima sempena konvokesyen itu kelmarin.